

'Belum boleh balik'

95 mangsa banjir masih ditempatkan di balai masyarakat

TEBUK PULAI – Seramai 95 mangsa daripada 22 keluarga mangsa banjir yang ditempatkan di Balai Masyarakat Kampung Desa Kasih masih belum dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing sehingga jam 5 petang, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Batu 2 Tebuk Pulai, Mohd Zaki Basar berkata, kesemua mangsa banjir itu dari Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Batu 2 Tebuk Pulai fasa satu dan fasa dua.

Menurutnya, keadaan paras air di kampung itu masih tidak menunjukkan penurunan dan hanya dianggarkan surut tidak sampai enam inci sejak kawasan itu dilanda banjir kilat pagi Selasa lalu.

"Keadaan banjir masih be-

lum pulih dan jumlah mangsa semalam (kelmarin) sehingga jam 5 petang meningkat daripada 75 mangsa daripada 20 keluarga kepada 95 mangsa daripada 22 keluarga kesemuanya," katanya.

Beliau berkata, beberapa langkah diambil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi mengatasi masalah itu termasuk menjalankan kerja penyelenggaraan pembersihan parit di kawasan berkenaan.

Mohd Zaki berkata, kesemua mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan itu juga diingatkan supaya membuat laporan polis berhubung bencana itu bagi memudahkan urusan penyaluran bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Selain itu katanya, semua mangsa banjir menerima pelbagai bantuan daripada pelba-



Mohd Zaki (kiri) mewakili Mohd Fasih menyampaikan sumbangan kepada seorang mangsa banjir di Balai Masyarakat Kampung Desa Kasih.

gai pihak termasuk beliau sendiri yang mewakili Ahli Parlimen Sabak Bernam, Mohd Fasih Mohd Fakeh yang menyampaikan sumbangan tikar dan selimut toto.

"Walaupun sibuk menghadiri Sidang Parlimen, tapi beliau (Mohd Fasih) tak lupakan penduduk di kawasan ini dan mewakilkan saya untuk serahkan sumbangan," katanya.

Penduduk dibantu

TEBUK PULAI - Syarikat swasta dan korporat di negeri ini disaran menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) masing-masing bagi membantu penduduk di beberapa kampung di Sabak Bernam yang dilanda banjir kilat sejak Selasa lalu.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, syarikat terbabit sewajarnya tampil membantu bagi meringankan beban mereka yang ditimpa musibah.

Menurutnya, kerajaan negeri akan berusaha menghulurkan bantuan bagi membantu mangsa banjir di Sabak Bernam agar mereka tidak keseorangan dalam menghadapi dugaan setelah rumah mereka ditenggelami air.

"Kita harap mangsa banjir terus tabah menempuh ujian ini dan kerajaan negeri akan memastikan segala kebajikan dan keperluan mangsa banjir diberi perhatian serius.

"Syarikat korporat di negeri ini juga digalakkan agar turut serta memainkan peranan mereka dalam menghulurkan bantuan kepada penduduk," katanya.

Dr Daroyah sebelum itu turut menyampaikan sumbangan kepada 23 mangsa banjir PPRT Batu 2 Tebuk Pulai di Balai Masyarakat Kampung Desa Kasih di sini, semalam.

Beliau juga berharap JPS dapat menjalankan kerja penyelenggaraan parit di kawasan terlibat bagi menangani masalah banjir daripada berulang.